

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld.5 (36)

Tarikh : 4 Ogos 2023

POLISI TIDAK MENERIMA HADIAH

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT) BERSTATUS SWAAKREDITASI

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 6/2023

PANDUAN BERKAITAN TAKRIFAN LAPORAN PENILAIAN AKREDITASI PROGRAM YANG KOMPREHENSIF

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Penilaian akreditasi program yang holistik dapat dilihat menerusi laporan penilaian yang komprehensif. Laporan penilaian yang komprehensif bukan sahaja mencakupi keseluruhan bidang jaminan kualiti yang ditetapkan tetapi ia juga seharusnya mengulas tentang ketetapan-ketetapan lain yang penting berkaitan sesuatu program.

3. Sehubungan itu, adalah penting bagi Ahli Panel Penilai (APP) sama ada APP Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) mahupun APP lantikan PPT berstatus swaakreditasi menghasilkan laporan penilaian akreditasi program yang komprehensif.

4. Panduan Berkaitan Takrifan Laporan Penilaian Akreditasi Program yang Komprehensif adalah seperti di **Lampiran 1**. Dokumen ini diharap dapat memantapkan kualiti laporan penilaian akreditasi program APP lantikan MQA mahupun APP lantikan PPT berstatus swaakreditasi. Kesempurnaan laporan penilaian akreditasi program diharap dapat melancarkan proses penilaian akreditasi secara menyeluruh termasuk proses pendaftaran program PPT berstatus Swaakreditasi.

Sekian, terima kasih.

“PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL”

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

s.k.

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. SUSK YB Menteri Pengajian Tinggi
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
4. Ketua Eksekutif
Perbandaran Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
5. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR
6. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Aras 6, Bangunan Canselori
43600 BANGI SELANGOR
7. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Awam (JKTNCRA-UA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Kebangsaan Malaysia
Aras 6, Bangunan Canselori
43600 BANGI SELANGOR

8. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Antarabangsa Malaysia (UIAM)
P.O. Box 10
50728 W.P. KUALA LUMPUR
9. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pendaftar
International Medical University (IMU)
No. 126, Jalan Jalil Perkasa 19
Bukit Jalil
57000 W.P. KUALA LUMPUR
10. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1
Bandar Baru Nilai 1
71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN
11. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 W.P. KUALA LUMPUR
12. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1
46050 PETALING JAYA, SELANGOR
13. Presiden
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)
1st – 3rd Floor
85, Jalan Gaya
88000 KOTA KINABALU, SABAH
14. Presiden
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/ International College of Advance Technology Sarawak
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya
93350 KUCHING, SARAWAK



PANDUAN BERKAITAN TAKRIFAN LAPORAN PENILAIAN AKREDITASI PROGRAM YANG KOMPREHENSIF DAN BERKUALITI PPT SWAAKREDITASI

PENDAHULUAN

1. Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah melantik seramai 1,780 orang Ahli Panel Penilai (APP) yang terdiri daripada pakar dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta industri. Peranan APP¹ amat penting kepada MQA kerana keputusan penilaian akreditasi ke atas sesuatu program adalah berlandaskan dapatan daripada laporan penilaian akreditasi yang dihasilkan oleh APP dan ketetapan MQA.
2. Laporan penilaian akreditasi program² yang tepat, komprehensif dan berteraskan dasar/standard/dokumen jaminan kualiti terkini diyakini dapat menghasilkan penilaian akreditasi yang berkualiti dan meminimumkan pertikaian daripada pihak berkepentingan terhadap proses penilaian akreditasi.
3. Penekanan untuk menghasilkan laporan penilaian akreditasi program yang berkualiti bukan sahaja terpakai kepada APP lantikan MQA, ianya turut merangkumi APP lantikan PPT swaakreditasi bagi memastikan laporan yang dihasilkan adalah komprehensif dan berkualiti.
4. Laporan penilaian akreditasi program yang komprehensif dapat mencerminkan kesempurnaan sistem jaminan kualiti dalaman PPT berstatus swaakreditasi seterusnya melancarkan proses permohonan penyenaiaan program PPT berstatus swaakreditasi di portal MQA.
5. Oleh kerana takrifan laporan penilaian akreditasi program yang komprehensif dan berkualiti mungkin berbeza di antara individu, maka panduan ini diharap dapat meminimumkan perbezaan takrifan.
6. Panduan ini perlu dibaca bersama mana-mana dokumen yang dihasilkan oleh MQA bagi tujuan penghasilan laporan akreditasi program. Takrifan yang diguna pakai dalam panduan ini boleh juga digunakan bagi menilai program profesional, sekiranya badan profesional yang berkaitan memutuskan sedemikian.

¹ Istilah APP yang digunakan dalam panduan ini merujuk kepada APP lantikan MQA dan panel penilai yang dilantik oleh PPT berstatus swaakreditasi.

² Laporan penilaian yang digunakan dalam panduan ini merujuk kepada laporan penilaian peringkat Akreditasi Sementara, Akreditasi Penuh dan Pematuhan Akreditasi Penuh

TAKRIFAN LAPORAN AKREDITASI PROGRAM YANG KOMPREHENSIF DAN BERKUALITI

7. Laporan penilaian akreditasi program dianggap sebagai komprehensif dan berkualiti apabila:
- i. mencakupi kesemua bidang jaminan kualiti MQA yang dinyatakan dalam kod amalan terkini yang berkaitan (*Code of Practice for Program Accreditation (COPPA)*, *Code of Practice for Program Accreditation: Open and Distance Learning (COPPA:ODL)* dan *Code of Practice for TVET Programme Accreditation (COPTPA)*);
 - ii. menyatakan kepatuhan program yang dinilai terhadap ketetapan MQF terkini;
 - iii. menyatakan kepatuhan program yang dinilai terhadap dokumen jaminan kualiti terkini iaitu:
 - a) Standard Program bidang yang berkaitan termasuk ulasan berkaitan *Body of Knowledge (BoK)* (bagi bidang Pengkomputeran laporan penilaian perlulah mempunyai pernyataan berkaitan kepatuhan terhadap matrik BoK yang diterbitkan oleh MQA);
 - b) Standard Kelayakan yang berkaitan seperti Standard: Diploma Eksekutif, Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran dan lain-lain;
 - c) Garis Panduan spesifik yang berkaitan dengan program seperti Garis Panduan Pelaksanaan Mod Pengajian Industri **2u2i (GP:2u2i)**³, Garis Panduan *Work-Based Learning (GGP:WBL)* dan lain-lain. APP perlu merujuk format laporan penilaian APP bagi program mod industri (2u2i) dan program yang menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) WBL yang diterbitkan oleh MQA/ Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT);
 - iv. menyatakan kesesuaian penamaan program yang dinilai dengan dasar penamaan yang ditetapkan dalam MQF/ Garis Panduan Penamaan Program Pendidikan Tinggi/ lain-lain amalan pelaksanaan berdasarkan bidang dan kesesuaian kandungan program.

Jika penamaan program tidak selari dengan ketetapan sedia ada, APP perlulah menyatakan justifikasi PPT/ Fakulti terhadap perkara berkenaan dan dokumen rujukan berkaitan kelulusan khas (jika ada) dinyatakan dalam laporan.

³ Mesyuarat Kajian Dasar Bil 1/2021 bertarikh 12 Mac 2021 telah memutuskan kewajipan sesebuah program yang mempunyai struktur Mod Industri (2u2i) dinilai selari dengan ketetapan yang dinyatakan dalam Garis Panduan Pelaksanaan Mod Pengajian 2u2i keluaran JPT, 2017. APP PPT berstatus swaakreditasi boleh mengguna pakai format Laporan Penilaian Aspek Mod Industri (2u2i) sebagai panduan penilaian

- v. menyatakan kesesuaian *National Education Code* (NEC) berdasarkan kod NEC terkini. Jika kod NEC program tidak selari dengan ketetapan sedia ada, APP perlulah menyatakan justifikasi PPT/ Fakulti terhadap perkara berkenaan dan dokumen rujukan berkaitan kelulusan khas (jika ada) dinyatakan dalam laporan;
 - vi. menyatakan kepatuhan pelaksanaan program terhadap dasar sistem semester/modular;
 - vii. menyatakan kepatuhan syarat kemasukan program dengan dasar kelayakan masuk dan pemindahan kredit pelajar (termasuk pindah kredit melalui Accreditation of Prior Experiential Learning for Credit Award MS, APEL.C /Massive Open Online Courses, MOOC / Micro-credential,MC dsb);
 - viii. menyatakan keberkesanan proses penghasilan tesis/disertasi pelajar yang dibangunkan oleh PPT serta kualiti tesis/disertasi pelajar. Ini termasuk kesesuaian tajuk, penyelia dan penilai tesis (bagi program tahap 7 ke atas bagi mod penyelidikan dan mod campuran);
 - ix. menyatakan status dan keberkesanan pelaksanaan semakan program yang dinilai dan tindakan susulan PPT terhadap dapatan semakan program (bagi penilaian pematuhan akreditasi penuh);
 - x. menyatakan kesesuaian dan keberkesanan pelaksanaan *Open and Distance Learning* (ODL);
 - xi. menyatakan kepatuhan terhadap mana-mana dasar yang berkaitan dengan program.
8. PPT berstatus swaakreditasi yang melaksanakan program 2u2i/ WBL, PPT perlu memastikan penilaian aspek 2u2i/ WBL dinilai oleh panel penilai pakar dalam bidang

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui Sistem Pengurusan Pertanyaan dan Aduan di www2.mqa.gov.my/sppa/.

**AGENS KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)
OGOS 2023**